

Headline	TNB tembusi pasaran ladang angin luar pesisir UK		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	38
ArticleSize	179 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,088		



## TNB tembusi pasaran ladang angin luar pesisir UK

**Vantage RE Ltd** (Vantage RE), syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd (TNB) memeterai Perjanjian Pembelian Saham (SPA) untuk memperoleh 49 peratus pegangan syarikat ladang angin luar pesisir, Blyth Offshore Demonstrator Limited (BODL) yang berpangkalan di United Kingdom (UK) daripada EDF Renewables (EDFR).

TNB dalam satu kenyataan berkata, pemerolehan itu menandakan penyertaan sulung syarikat

utiliti itu dalam pasaran ladang angin luar pesisir berikutan pembelian aset angin BODL di perairan Blyth, Northumberland, England.

"Aset itu merangkumi lima turbin angin dengan kapasiti penjanaan sebanyak 41.5MW (Blyth 1) dan hak pembangunan lanjut projek turbin angin terapung (Blyth 2) sehingga 58.4MW berhampiran pantai Northumberland.

"Setiap turbin 8.3MW Blyth 1 didirikan di atas struktur asas

berasaskan graviti, yang menggunakan beban konkrit bagi menetapkan kedudukan turbin tanpa menembusi dasar laut," katanya.

Menurut kenyataan itu, ladang angin terbabit beroperasi sejak 2017 di bawah rejim subsidi Renewable Obligation Certificates (ROC) yang dijangka dapat memberi pulangan yang stabil.

"Dalam pada itu, Blyth 2 adalah projek turbin angin luar pesisir terapan inovatif yang kini berada

dalam peringkat awal pembangunan," katanya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata pemerolehan itu adalah antara perancangan pemerolehan strategik untuk memesatkan usaha mencapai visi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"Baru-baru ini, kami mengemukakan Hala Tuju Kelestarian TNB, satu rangka tindakan dengan aspirasi mencapai pelepasan

sifar bersih menjelang 2050.

"Hala tuju ini dipacu menerusi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan TNB sebanyak 35 peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035," katanya.

Vantage RE dilancarkan pada 1 Julai 2021 untuk memiliki, mengendalikan dan mengurus portfolio aset RE TNB di Eropah. EDFR adalah anak syarikat utiliti Perancis, Électricité de France (EDF).